

SEKSYEN 2:

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Perspektif Keseluruhan
- Hasil 2019
 - Rancangan — Jawatankuasa Pembaharuan Cukai
- Tinjauan 2020
- Kesimpulan

SEKSYEN 2: HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perspektif Keseluruhan

Kerajaan akan terus memperkukuh pengurusan hasil melalui beberapa inisiatif pembaharuan terutamanya penambahbaikan sistem percukaian sedia ada dan meningkatkan hasil sebagai peratusan kepada KDNK. Inisiatif tersebut akan terus memberi tumpuan untuk memperkemas pentadbiran cukai dan mengurangkan ketirisan cukai serta menggalakkan pelaburan baharu untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Tambahan pula, Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC) sedang mengkaji semula langkah untuk mengurangkan jurang cukai, menambah baik kecekapan dan meningkatkan kutipan hasil secara mampan. Bagi tujuan tersebut, pembaharuan ini akan memberi keutamaan kepada kajian semula insentif cukai sedia ada untuk mengelakkan herotan dalam pengagihan sumber; usaha meningkat dan memperluas asas hasil secara konsisten untuk memperkukuh

inklusiviti; dan memperkemas pentadbiran dan pematuhan cukai secara keseluruhan serta meningkatkan keberkesanan kutipan cukai.

Dalam hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah pada 2019 untuk mempertingkatkan kutipan hasil dan memperluas asas cukai termasuk Program Pengakuan Khas Sukarela (SVDP), cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan diimport dan levi pelepasan. Dalam tempoh sedekad lalu, kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum telah berkurang kepada sekitar 5% daripada KDNK pada 2019 berbanding 9.2% pada 2009 mencerminkan usaha Kerajaan mempelbagai asas cukai. Usaha untuk memperluas asas hasil juga dijangka akan menyediakan ruang fiskal tambahan bagi menambah baik kecekapan pengagihan semula pendapatan dan seterusnya mencapai agenda sosio ekonomi negara.

**Jadual 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan
2018 – 2020**

	RM juta			Perubahan (%)			Peratusan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²	2018	2019 ¹	2020 ²
Hasil cukai	174,061	180,010	189,951	-2.0	3.4	5.5	74.7	68.4	77.7
Cukai langsung	130,035	135,639	142,676	12.1	4.3	5.2	55.8	51.5	58.4
antaranya:									
CITA	66,474	70,760	75,510	3.1	6.4	6.7	28.5	26.9	30.9
Individu	32,605	35,224	37,363	12.6	8.0	6.1	14.0	13.4	15.3
PITA	20,082	17,883	17,452	70.7	-10.9	-2.4	8.6	6.8	7.1
Cukai tidak langsung	44,026	44,371	47,275	-28.6	0.8	6.5	18.9	16.9	19.3
antaranya:									
GST/SST	25,680	26,800	28,300	-42.0	4.4	5.6	11.0	10.2	11.6
Duti eksais	10,779	10,485	11,000	6.6	-2.7	4.9	4.6	4.0	4.5
Duti import	2,897	2,670	2,800	4.1	-7.8	4.9	1.2	1.0	1.1
Duti eksport	1,725	1,280	1,300	27.3	-25.8	1.6	0.7	0.5	0.5
Hasil bukan cukai	58,821	83,290	54,579	37.6	41.6	-34.5	25.3	31.6	22.3
antaranya:									
Lesen dan permit	14,027	15,204	15,177	9.8	8.4	-0.2	6.0	5.8	6.2
Pendapatan pelaburan	31,889	59,500 ³	28,580	47.4	86.6	-52.0	13.7	22.6	11.7
Jumlah hasil	232,882	263,300	244,530	5.7	13.1	-7.1	100.0	100.0	100.0
% KDNK	16.1	17.4	15.2						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Belanjawan, tanpa mengambil kira langkah percukaian 2020.

³ Termasuk dividen PETRONAS secara *one-off* sebanyak RM30 bilion.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Hasil 2019

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2019 dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi 13.1% kepada RM263.3 bilion disumbangkan oleh dividen khas PETRONAS secara *one-off*. Walau bagaimanapun, hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama iaitu 68.4% daripada jumlah hasil atau 11.9% daripada KDNK manakala hasil bukan cukai mewakili 31.6% atau 5.5% daripada KDNK. Kutipan hasil tersebut akan disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta usaha Kerajaan untuk memperluas asas hasil.

Hasil cukai dianggar meningkat 3.4% kepada RM180 bilion dengan peratusan cukai langsung 75.4% dan cukai tidak langsung 24.6%. Kutipan **cukai langsung** dijangka meningkat 4.3% kepada RM135.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan syarikat (CITA) dan

individu yang lebih tinggi berikutan inisiatif SVDP serta pertumbuhan berterusan gaji dan pendapatan korporat yang stabil. Sekitar 270,000 peserta mengisytiharkan pendapatan yang tidak dilaporkan secara sukarela di bawah SVDP dengan jangkaan tambahan kutipan hasil berjumlah RM6 bilion. Langkah ini juga menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai pendapatan individu dan CITA kepada RM35.2 bilion dan RM70.8 bilion. Sementara itu, sektor perkhidmatan dan pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada CITA. Kutipan cukai pendapatan petroleum (PITA) dijangka berkurang 10.9% kepada RM17.9 bilion selaras dengan jangkaan harga minyak mentah global yang lebih rendah pada purata USD63 setong (2018: USD71 setong). Duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggar berjumlah RM6.3 bilion dan RM1.6 bilion yang menunjukkan keuntungan lebih tinggi daripada transaksi pasaran harta tanah.

Rencana

Jawatankuasa Pembaharuan Cukai


Pengenalan

Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai (TRC)¹ pada September 2018 yang terdiri daripada pengamal dan pakar berpengalaman luas dalam bidang percukaian. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji semula dan mencadangkan langkah pembaharuan sistem percukaian antaranya penyelarasan insentif cukai, mengurangkan jurang cukai, meningkatkan kecekapan cukai serta memperluas dan mempelbagaikan hasil cukai. Bagi melaksanakan tugas tersebut, TRC telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, komuniti perniagaan, persatuan perdagangan, firma perunding cukai dan perakaunan, badan profesional, penganalisis dan agensi penarafan. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk menganalisis beberapa cadangan dan telah diumumkan dalam Belanjawan 2019. Cadangan ini termasuk pengenalan duti eksais ke atas minuman bergula, levi pelepasan, cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh pembekal luar pesisir, kajian semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan kadar duti setem serta isu yang berkaitan sekatan ke atas kerugian perniagaan dibawa ke hadapan.


Senario Semasa Sistem Percukaian Malaysia

Pertumbuhan hasil Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan trend penurunan daripada purata tahunan 10.7% bagi tempoh 2000 – 2009 kepada 4.5% bagi tempoh 2010 – 2018 iaitu kurang daripada purata pertumbuhan tahunan 8.1% KDNK nominal bagi tempoh

¹ Ahli jawatankuasa bebas terdiri daripada Tan Sri Hasmah Abdullah, Dr. Veerinderjeet Singh, Dato' Chua Tia Guan, Dato' Khodijah Abdullah dan Encik Amardeep Singh

Rajah 1: Pertandingan Jumlah Hasil Negara-negara Mengikut KDNK, 2017

Nota: *Negara bertaraf A- i.e. negara penarafan setara Malaysia.
Sumber: Bank Dunia.

Rajah 2: Perbandingan Jumlah Hasil Cukai Negara-negara Mengikut KDNK, 2017

2010 – 2018 (purata pertumbuhan KDNK nominal 2000 – 2009: 8.4%). Dari segi peratusan kepada KDNK, jumlah hasil mencatat 20.9% berbanding 19% dalam tempoh sama. Sementara itu, rajah berikut menunjukkan peratusan jumlah hasil dan hasil cukai Malaysia kepada KDNK berbanding negara terpilih.

Pemberian insentif yang meluas, pelbagai pelepasan dan pengurangan kadar cukai telah menyebabkan asas hasil cukai semasa di Malaysia mengecil. Pada akhir 2017, sebanyak 62.4% daripada 1,251,190 syarikat telah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) namun hanya 7.8% tertakluk kepada cukai. Pada masa sama, hanya 16.5% daripada 15 juta tenaga kerja tertakluk kepada cukai pendapatan individu. Walaupun Kerajaan telah mengurangkan kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum dengan ketara daripada 41.3% pada 2009 kepada sekitar 23% pada 2018, namun peratusan tersebut masih besar dan mampu mendatangkan risiko terutamanya apabila berlaku kejatuhan harga minyak mentah.

Laporan Bank Dunia (2015) mendapati Malaysia telah memberikan insentif cukai yang berlebihan. Walau bagaimanapun, terdapat isu sama ada insentif pelaburan sedia ada berkesan dalam memenuhi objektif Kerajaan. Insentif cukai yang diberikan kepada syarikat menjadi kos kepada Kerajaan kerana diukur melalui jumlah kehilangan hasil cukai. Sebaliknya, Kerajaan boleh menggunakan kehilangan hasil tersebut untuk projek pembangunan lain atau mengurangkan defisit fiskal. Insentif juga terdedah kepada salah guna yang boleh menyebabkan kehilangan hasil tidak sepatutnya kepada Kerajaan. Sehubungan itu, kajian semula kerelevanan, keberkesanan dan kecekapan ke atas keseluruhan struktur insentif cukai dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah tepat pada masanya.

Selain itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk menangani isu pelarian cukai dan salah lapor pendapatan yang menjejaskan sistem taksir sendiri serta keyakinan orang ramai terhadap keseluruhan sistem percukaian. Kewujudan sektor tersembunyi, tidak formal dan sektor yang sukar dikenakan cukai turut menyebabkan ketidakadilan kepada pembayar cukai yang patuh. Sehubungan itu, pelari cukai perlu dimasukkan ke dalam jaringan cukai secara strategik.

Sistem percukaian yang berkesan memerlukan kewujudan persekitaran yang mendorong pembayar cukai mematuhi undang-undang percukaian secara sukarela. Sementara itu, tugas pentadbiran cukai yang efisien perlu dilaksanakan pada kos yang minimum kepada masyarakat. Justeru, pengurusan pematuhan bukan hanya melibatkan pengauditan, pengesahan dan penguatkuasaan tetapi juga memudahkan pematuhan pembayar cukai.

Pendekatan Strategik TRC

Jawatankuasa ini akan menumpukan kepada pencapaian objektif strategik dalam meningkatkan peratusan hasil cukai kepada KDNK dan mengoptimumkan hasil cukai berdasarkan empat asas berikut:

- Mengurangkan jurang cukai terutamanya dalam sektor tidak formal dan sukar dikenakan cukai serta memperluas asas cukai melalui pendigitalan dan penguatkuasaan yang berkesan;
- Mengurangkan ketirisan cukai dengan mengkaji semula insentif dan undang-undang cukai sedia ada;
- Meneroka sumber baharu hasil cukai yang mampan seperti cukai digital dan alam sekitar; dan
- Meningkatkan pentadbiran cukai melalui kajian semula undang-undang serta mempermudah proses dan prosedur pentadbiran ke arah peningkatan pematuhan.

Falsafah Pembaharuan Cukai

Langkah percukaian bagi menangani isu dan cabaran semasa di bawah empat asas pembaharuan cukai akan berasaskan kepada prinsip neutraliti, ekuiti dan mudah. Prinsip neutraliti menunjukkan bahawa walaupun sistem cukai meningkatkan hasil, namun pelaksanaannya tidak mendiskriminasi atau menyebelahi sektor ekonomi tertentu. Selain itu, prinsip ekuiti pula dikategorikan sebagai ekuiti melintang (percukaian setara ke atas pendapatan setara) dan ekuiti menegak (cukai yang lebih tinggi ke atas pendapatan yang lebih tinggi). Sebagai contoh, pelaksanaan levi pelepasan yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 serta pindaan ke atas Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 berasaskan kepada prinsip ekuiti menegak iaitu pembayaran dibuat berdasarkan kemampuan pembayar cukai. Secara umum, amalan ini menggambarkan sistem percukaian yang mempunyai struktur kadar cukai pendapatan progresif.

Undang-undang, struktur dan prosedur cukai juga perlu jelas dan ringkas bagi memudahkan pemahaman terhadap kewajipan dan hak pembayar cukai. Falsafah di sebalik struktur cukai yang mudah ialah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela. Kajian mengenai tingkah laku pembayar cukai menunjukkan bahawa penambahbaikan perkhidmatan seperti pelaporan, pemfailan dan pembayaran cukai yang mudah; penerbitan garis panduan yang jelas dan tepat pada masa; serta penyediaan bantuan untuk mengurangkan kos pematuhan lebih berkesan bagi memastikan pematuhan berbanding langkah yang dirancang untuk mengurangkan ketidakpatuhan (Wenzel, 2004).

Pendekatan lain bagi meningkatkan pematuhan cukai ialah dengan memupuk rasa tanggungjawab setiap warganegara untuk membayar cukai seterusnya melahirkan rasa bangga kerana dapat menyumbang kepada negara. Prinsip tersebut akan menggalakkan pembayaran cukai terutamanya daripada ekonomi tidak formal ke dalam asas cukai seterusnya mengurangkan pengelakan dan pelarian cukai. Sehubungan itu, beban pematuhan dan akauntabiliti di bawah undang-undang secara langsung dan tidak langsung perlu digalas oleh pembayar cukai.

Pihak berkuasa cukai yang berkaitan perlu berusaha memastikan pihak yang memperoleh atau menjana pendapatan bercukai berdaftar sebagai pembayar cukai dan memfailkan penyata cukai pada masa yang ditetapkan. Inisiatif berkenaan meliputi program pendidikan dan jangkauan berterusan oleh agensi cukai bagi membantu pembayar cukai berpotensi terutamanya yang tidak pernah memfailkan penyata cukai atau menyelenggara rekod perniagaan dengan betul seterusnya memudahkan peralihan ke dalam jaringan cukai. Di samping itu, pihak berkuasa perlu melaksanakan pendekatan spesifik serta strategi penguatkuasaan yang berkesan secara berterusan terhadap pembayar cukai yang ingkar.

Melangkah ke hadapan

Pentadbiran cukai yang efektif memerlukan ekosistem yang menggalakkan rakyat mematuhi undang-undang cukai secara sukarela manakala tugas pentadbiran cukai yang efisien melibatkan kos yang minimum. Penguatkuasaan berkesan oleh pihak berkuasa cukai merupakan komponen penting bagi memastikan kutipan cukai yang tinggi secara berterusan. Justeru, pihak berkuasa cukai harus segera berubah menjadi entiti berorientasikan perkhidmatan yang memanfaatkan teknologi digital serta merangka dan menyelaraskan semula sistem dan prosedur sedia ada. Penubuhan gerbang maklumat bagi data bersepadu membolehkan perkongsian maklumat dalam masa sebenar dan menyelaraskan sistem pentadbiran cukai seterusnya meningkatkan pematuhan dan kutipan hasil.

Kebergantungan tinggi terhadap cukai langsung menjejaskan kutipan hasil kerana berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan kitaran perniagaan. Sehubungan itu, mengimbangi semula cukai langsung kepada cukai tidak langsung terutamanya cukai berasaskan kepenggunaan dapat meluaskan asas hasil cukai dan meningkatkan keapungan cukai. Terdapat peningkatan peralihan daripada cukai langsung kepada cukai tidak langsung di peringkat global berikutan usaha kebanyakan negara untuk memastikan kutipan hasil cukai yang mampan.

Kesimpulan

Jawatankuasa ini percaya bahawa Kerajaan perlu meningkatkan usaha untuk memperkukuh aliran hasil. Kerajaan mempunyai pelbagai pilihan inisiatif untuk menambah baik sistem cukai sedia ada seperti mengkaji insentif cukai, memperkemas pentadbiran cukai dan meneroka sumber hasil yang mampan. Secara keseluruhannya, kejayaan memasukkan pembayar cukai yang berpotensi ke dalam jaringan cukai menjadi prasyarat bagi memperluas asas hasil demi menambah baik ruang fiskal.

Rujukan

Bank Dunia. Dicapai pada 18 September 2019 daripada <http://documents.worldbank.org/curated/en/182271468280761125/pdf/359340MY.pdf>.

Wenzel, M, "An Analysis of Norm Processes in Tax Compliance" 2004, *Journal of Economic Psychology*, Vol 25, No. 2.

Addressing The Tax Challenges of the Digital Economy, Bab 2, mukasurat 30 & 31, *Fundamental Principles of Taxation*

Sumber: Jawatankuasa Pembaharuan Cukai.

Hasil **cukai tidak langsung** dianggar meningkat secara marginal sebanyak 0.8% kepada RM44.4 bilion disumbangkan oleh kutipan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang lebih tinggi. Unjuran asal kutipan SST berjumlah RM22 bilion dalam Belanjawan 2019 telah disemak semula kepada RM26.8 bilion berikutan kutipan yang lebih baik berbanding jangkaan pada separuh pertama 2019. Daripada jumlah ini, kutipan cukai jualan dijangka mencatat RM15.5 bilion berikutan permintaan yang lebih tinggi ke atas kenderaan pacuan empat roda (4WD) dan kenderaan utiliti sukan (SUV) serta mesin dan alat ganti. Menurut laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA), jualan kenderaan 4WD dan SUV bagi separuh pertama 2019 meningkat 77.4% berbanding tempoh yang sama pada 2018. Di samping itu, cukai perkhidmatan dianggar berjumlah RM11.3 bilion terutamanya disumbang oleh permintaan tinggi sektor makanan dan minuman diikuti sektor telekomunikasi dan insurans.

Walau bagaimanapun, duti eksport dijangka berkurang kepada RM1.3 bilion disebabkan oleh harga minyak mentah dan jumlah eksport yang lebih rendah selaras dengan pertumbuhan permintaan global yang perlahan berikutan ketegangan perdagangan yang berterusan. Di samping itu, kutipan duti eksais dijangka berkurang 2.7% kepada RM10.5 bilion susulan permintaan kenderaan dibina sepenuhnya (CBU) dan rokok yang lebih perlahan. Duti eksais ke atas rokok dijangka berkurang disebabkan oleh penutupan operasi syarikat tembakau di Malaysia dan pengurangan jumlah rokok import. Sebanyak 3.2 bilion batang rokok diimport pada separuh pertama 2019 berbanding 3.5 bilion dalam tempoh yang sama pada 2018. Sementara itu, duti eksais ke atas minuman bergula dijangka mencatat RM100 juta sejak pelaksanaannya pada Julai 2019.

Dividen khas PETRONAS secara *one-off* berjumlah RM30 bilion telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 bagi membiayai sebahagian bayaran balik cukai pendapatan dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berjumlah RM37 bilion. Sementara itu, baki bayaran balik cukai sebanyak RM7 bilion akan dibiayai melalui hasil Kerajaan Persekutuan pada 2019. Sebanyak RM12.5 bilion atau 69.4% daripada RM18 bilion peruntukan tunggakan bayaran balik cukai

pendapatan telah digunakan sehingga akhir Ogos 2019. Manakala, jumlah peruntukan yang disediakan untuk bayaran balik Tabung Bayaran Balik GST (TBBC GST) pula berjumlah RM22.9 bilion iaitu setelah mengambil kira RM3.9 bilion baki dibawa ke hadapan dan peruntukan RM19 bilion pada 2019. Sebanyak 66.4% atau RM15.2 bilion tuntutan GST telah dibayar sehingga akhir Ogos 2019.

Sementara itu, **hasil bukan cukai** dijangka meningkat ketara 41.6% kepada RM83.3 bilion terutamanya disumbangkan oleh dividen lebih tinggi daripada PETRONAS berjumlah RM54 bilion merangkumi dividen khas RM30 bilion secara *one-off*. Dividen daripada Bank Negara Malaysia pula berjumlah RM2.5 bilion. Terimaan daripada lesen dan permit dijangka mencatat RM15.2 bilion, meningkat 8.4% terutamanya disumbang oleh terimaan lebih tinggi daripada royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing.

Hasil berkaitan petroleum pada 2019 diunjur RM81.2 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah hasil tersebut tanpa mengambil kira dividen khas sebanyak RM30 bilion dianggar berkurang 6.1% selaras dengan harga minyak mentah yang lebih rendah. Sebaliknya, **hasil bukan petroleum** dijangka meningkat 2.1% kepada RM182.1 bilion berikutan usaha Kerajaan dalam memperluas asas hasil menerusi pelbagai langkah cukai.

Tinjauan 2020

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2020 dijangka berkurang 7.1% kepada RM244.5 bilion. Walau bagaimanapun, hasil dijangka meningkat 4.8% jika tidak mengambil kira dividen khas PETRONAS dalam anggaran disemak 2019. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama hasil Kerajaan Persekutuan dengan jumlah kutipan RM189.9 bilion.

Hasil cukai sebagai peratusan kepada KDNK dijangka stabil 11.8%. Kutipan **cukai langsung** dianggar meningkat 5.2% kepada RM142.7 bilion merangkumi 75.1% daripada jumlah hasil cukai. Sebahagian besar kenaikan tersebut terutamanya disumbangkan oleh peningkatan kutipan CITA dan cukai pendapatan individu

sebanyak RM75.5 bilion dan RM37.4 bilion. Prospek pendapatan korporat yang lebih baik dan usaha berterusan dalam menambah baik audit dan pematuhan cukai akan menyumbang kepada peningkatan kutipan CITA. Kerajaan juga akan mempertimbangkan pelaksanaan inisiatif yang dicadangkan oleh TRC dalam jangka masa sederhana bertujuan memperluas asas cukai dan mengurangkan jurang cukai. Sementara itu, hasil cukai langsung lain yang terdiri daripada duti setem, CKHT dan cukai lain dijangka meningkat 7% kepada RM8.7 bilion. Peningkatan duti setem kepada RM6.8 bilion dan CKHT kepada RM1.7 bilion selaras dengan jangkaan pasaran harta tanah yang stabil.

Cukai tidak langsung dijangka meningkat 6.5% kepada RM47.3 bilion terutamanya disumbang oleh hasil SST yang lebih tinggi. Kutipan SST pada 2020 diunjur RM28.3 bilion atau 1.8% daripada KDNK selaras dengan perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi, program Tahun Melawat Malaysia 2020 dan pelbagai program antarabangsa. Kerajaan telah menetapkan sasaran ketibaan 30 juta pelancong dan jangkaan pendapatan sektor pelancongan sebanyak RM100 bilion pada 2020. Hasil cukai jualan dijangka meningkat 5.4% kepada RM16.3 bilion terutamanya disumbangkan oleh mesin dan alat ganti serta jualan kenderaan. Pada masa sama, cukai perkhidmatan dianggar berjumlah RM12 bilion yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh permintaan tinggi terhadap sektor makanan dan minuman diikuti oleh sektor telekomunikasi dan insurans. Kutipan duti eksais pada 2020 dijangka meningkat 4.9% kepada RM11 bilion berikutan peningkatan permintaan terhadap kenderaan bermotor. Berdasarkan MAA, pengeluaran keseluruhan industri dijangka meningkat 2% berikutan permintaan berterusan untuk model baharu kenderaan dan promosi agresif oleh syarikat automotif. Sementara itu, duti eksport dijangka kekal sekitar RM1.3 bilion.

Hasil bukan cukai tanpa mengambil kira dividen khas PETRONAS dianggar berkurang 2.4% kepada RM54.6 bilion atau 3.4% daripada


KDNK. Dividen tahunan PETRONAS diunjur berjumlah RM24 bilion. Lesen dan permit dijangka berkurang secara marginal kepada RM15.2 bilion berikutan pengurangan hasil royalti petroleum selaras dengan harga minyak mentah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, komponen utama lain bagi lesen dan permit seperti lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing masing-masing dijangka meningkat kepada RM3.4 bilion.

Hasil berkaitan petroleum dijangka mencatat RM50.5 bilion pada 2020 selaras dengan purata harga minyak mentah dunia USD62 setong. Jumlah hasil berkaitan petroleum dianggar berkurang 1.4% berbanding 2019 (tidak termasuk dividen khas PETRONAS) berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, hasil bukan petroleum diunjur meningkat 6.6% kepada RM194.1 bilion selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mempelbagai hasil melalui inisiatif pembaharuan cukai. **Hasil bukan petroleum** dijangka kekal stabil sekitar 12.1% daripada KDNK (2019: 12.0% daripada KDNK). Kerajaan akan terus memperluas hasil bukan petroleum untuk memastikan aliran pendapatan yang mampan dalam jangka masa sederhana.


Kesimpulan

Kerajaan akan memperluas asas hasil, mengurangkan jurang cukai dan meningkatkan kecekapan cukai bagi memastikan kutipan hasil yang mampan. Matlamat ini akan dicapai antara lain dengan merasionalisasi insentif cukai, mengurangkan ketirisan cukai dan meningkatkan pematuhan cukai melalui pengauditan yang berkesan. Inisiatif yang dicadang oleh TRC akan membantu usaha meningkatkan kutipan hasil melalui semakan semula sistem cukai sedia ada dan meneroka sumber baharu yang mampan. Penambahbaikan dasar cukai akan terus berpegang kepada prinsip neutraliti, ekuiti dan mudah bagi menuju ke arah meningkatkan daya saing negara.

Rajah 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum
(% kepada jumlah hasil)



Rajah 2.2. Hasil Sebagai Peratusan KDNK



¹Anggaran disemak.

²Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah cukai.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.